Khamis, 9 September 2021, 12:10pm

PASARAN KORPORAT AUTO HARTANAH TEKNOLOGI USAHAWAN LAIN-LAIN (BISNES)

# Nuraslina CEO baharu Theta Edge

Oleh Mahanum Abdul Aziz - September 8, 2021 @ 3:06pm
mahanum_aziz@bh.com.my



CEO Kumpulan Theta Edge, Nuraslina Zainal Abidin

KUALA LUMPUR: Theta Edge Bhd melantik Nuraslina Zainal Abidin sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan yang baharu bagi tempoh dua tahun, berkuat kuasa hari ini.

Pengerusinya, Datuk Noordin Sulaiman, berkata pelantikan berkenaan adalah bagi menggantikan A. Shukor S.A. Karim yang bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-28 syarikat itu pada 28 Jun lalu.

"Dengan pelantikan Nuraslina sebagai CEO Kumpulan yang baharu, beliau akan mengetuai transformasi dan penciptaan nilai syarikat memandangkan kami memacu pemulihan segera dan seterusnya menerapkan strategi untuk pertumbuhan jangka panjang dan kelestarian," katanya dalam satu kenyataan.

Nuraslina, 46, pernah berkhidmat sebagai CEO Innovation Associates Consulting Sdn Bhd, anak syarikat Dagang Nexchange Bhd serta Pengasas dan Pengarah Urusan Kumpulan Genaxis Group Sdn Bhd.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- TM lantik barisan pengurusan utama
- Media Prima lantik Azalina sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 4m Pulang ke kampus: Kesatuan Mahasiswa UM kemuka 11 tuntutan
- 9m Petugas kesihatan menangis setiap hari, alami insomnia
- 9m Kesihatan mental rakyat Malaysia membimbangkan
- 10m Restoran, kelab di Bulgaria kecam perintah berkurung COVID-19
- 24m Belia digalak ceburi pertanian moden
- 24m Sistem kesihatan diperkukuh hadapi pandemik masa depan
- 24m Ibu tunggal sakit saraf tak mampu beli kerusi roda
- 26m COVID-19 melepasi 40 juta kes di AS

- [Prasarana umum Pengerusi, CEO baharu]
- [TNB lanjutkan khidmat Azman sebagai Presiden, CEO]

Beliau mempunyai latar belakang pendidikan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Sains dan Teknologi Makanan dari Universiti Sains Malaysia.

Menerusi kepimpinannya dalam meneraju aspek transformasi digital dan pengoptimuman perniagaan, beliau berjaya memberikan nilai dan penjimatan lebih AS$150 juta kepada pelanggannya.

Nuraslina berpengalaman selama 17 tahun dalam bidang transformasi dan pengoptimuman proses perniagaan syarikat berprestasi tinggi.

Beliau turut menerajui pelbagai projek mega teknologi kerajaan dan terbabit dalam penghasilan inisiatif strategik untuk transformasi

digital.

Selain itu, beliau dianugerahkan beberapa pengiktirafan di atas usahanya sebagai usahawan dan usahawan tekno, serta adalah fasilitator di peringkat kebangsaan termasuklah antarabangsa.

Corak kepimpinannya yang berwawasan dan bertranformasi menjadikan beliau sebagai ikon yang dikenali dalam bidang perubahan perniagaan, pembangunan, dan peningkatan prestasi.

Dengan pelantikan Nuraslina sebagai CEO Kumpulan, status Jawatankuasa Eksekutif dibubarkan serta-merta.

## VAKSIN



WILAYAH Sep 8, 2021 @ 4:34pm

**4 lagi PPV dibuka vaksinasi 'walk-in' di Perak**



NASIONAL Sep 8, 2021 @ 1:26pm

**Imunisasi remaja Sarawak bermula hari ini**




NASIONAL Sep 8, 2021 @ 11:43am

**69.6 peratus populasi dewasa lengkap imunisasi COVID-19**



NASIONAL Sep 7, 2021 @ 1:37pm

**'Mangsa COVID-19 belum dapat imuniti penuh vaksin'**



NASIONAL Sep 7, 2021 @ 11:26am

**101 gelandangan di Sarawak terima suntikan vaksin COVID-19**



NASIONAL Sep 7, 2021 @ 10:51am

**Hampir 69 peratus populasi dewasa lengkap vaksinasi setakat semalam**

## TRENDING



NASIONAL 39 minit yang lepas

**Pengawal keselamatan meninggal, ahli perniagaan didakwa membunuh**



NASIONAL Sep 8, 2021 @ 11:17pm

**Najib lapor polis terhadap LHDN**



KES Sep 8, 2021 @ 10:12pm

**Polis sita kenderaan langgar lari penunggang basikal**



NASIONAL Sep 8, 2021 @ 4:22pm

**'Tiada kerjasama UMNO, BERSATU**

## BERITA BERKAITAN



USAHAWAN Jul 19, 2020 @ 3:32pm

**PKS digalak teruskan transformasi digital**



KORPORAT Feb 18, 2021 @ 6:54pm

**Rafiq Razali dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Media Prima**







SIHAT 2 jam yang lepas

**Cara Buat Lemon Madu Homemade, Bagus Untuk Antibodi!**




9 SEBAB BERAT TAK TURUN

2 jam yang lepas

**Ini 9 Sebab Berat Tak Turun Walaupun Dah Penat Diet & Bersenam**



SIHAT 3 jam yang lepas

**10 Manfaat & Khasiat Cuka Kurma Untuk Kesihatan & Cara Makan**

IKUTI KAMI DI:

**BERITA**
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

**SUKAN**
**DUNIA**
**HIBURAN**
**BISNES**
**RENCANA**
**WANITA**
**HUJUNG MINGGU**

**MULTIMEDIA**
Foto
BHTV
Infografik

**LANGGAN**
Akhbar Digital
Akhbar BH

**PERKHIDMATAN**
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi